

TINJAUAN MASALAH AHLI JAWATANKUASA KANTIN DALAM MEMANTAU KANTIN SEKOLAH DI ZON BANTING, DAERAH KUALA LANGAT, SELANGOR.

Mohd. Rizal Bin Mohd. Said & Ramlan Bin Omar
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kajian ini merupakan satu tinjauan untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh Ahli Jawatankuasa Kantin dalam memantau kantin sekolah. Masalah yang dikaji adalah masalah dari aspek kekurangan pengetahuan, aspek hubungan bebanan tugas dan aspek kekangan masa. Seramai 70 orang di kalangan Ahli Jawatankuasa Kantin Sekolah dari Zon Banting, Daerah Kuala Langat, Selangor terpilih sebagai responden dalam kajian ini. Kajian ini dijalankan dengan mengedarkan set borang soal selidik kepada responden. Data yang diperolehi telah dianalisis secara statistik deskriptif menggunakan program Statistical Package for Science (SPSS) versi 15.0 untuk mendapatkan kekerapan dan peratus. Hasil kajian telah menunjukkan masalah dari aspek kekurangan pengetahuan, aspek hubungan bebanan tugas dan aspek kekangan masa wujud pada tahap yang rendah dalam menjalankan tugas pemantauan kantin sekolah. Cadangan telah dikemukakan bagi meningkatkanlah keberkesanan pemantauan kantin sekolah.

Abstract: The purpose of this study was to identify the problem faced by School Canteen Committee Member in monitoring school canteen. Problems looked into are lack of knowledge, job load and time constraints. 70 respondents from School Canteen Committee member in Banting Zone, Kuala Langat District, Selangor were selected as respondents for this study. This study was conducted by distributing questionnaires to respondents. Data collected were analyzed using descriptive statistics and Statistical Package for Science (SPSS) version 15.0 to seek frequency and percentage. Survey results had pointed out problem from lack of knowledge, job load and time constraints in low-level pursuant to school canteen monitoring task. Recommendations have been forth in enhancing the effectiveness of school canteen monitoring.

Katakunci: Ahli Jawatankuasa Kantin, masalah

Pengenalan

Dalam bidang perkhidmatan makanan seperti kafeteria hospital, kafeteria kilang dan kantin sekolah ia mempunyai pelanggan yang tetap bagi kelompoknya sendiri. Keadaan begini adalah berbeza dengan restoran atau gerai yang lebih mengutamakan keuntungan (Sue Grossbauer, 2001). Ini penting sebagai tanggungjawab sosial dan saling pergantungan antara pengusaha perkhidmatan makanan seperti kantin sekolah yang mendapat peluang peniagaan di premis yang disediakan oleh pihak pelanggannya di situ. Atas dasar tanggungjawab ini, pihak kantin sekolah perlu menyediakan makanan yang mempunyai nilai makanan yang lebih tinggi mutunya dari segi nutrien dan tahap kebersihan serta keselamatan bagi memenuhi keperluan pelanggannya seperti pelajar yang terdiri dari kanak-kanak.

Kanak-kanak memerlukan makanan yang bermutu sifatnya. Makanan yang bermutu dan berkhasiat penting untuk kesihatan kanak-kanak. Mengikut Mohd. Sharani (2004), kanak-kanak yang berkembang memerlukan pemakanan yang seimbang dan udara yang bersih. Kekurangan makanan yang berzat dan seimbang terutamanya zat protein akan membantutkan sel otak, urat saraf dan juga bahagian badan yang lain. Oleh itu, kantin sekolah perlulah menyediakan makanan yang mempunyai nilai nutrien yang tinggi kerana premis inilah satu-satunya tempat utama untuk pelajar mendapatkan makanan di sekolah.

Penyataan Masalah

Berdasarkan latar belakang masalah yang diuraikan, kajian yang ingin dilakukan adalah tinjauan tentang masalah-masalah Ahli Jawatankuasa Kantin yang dihadapi dalam memantau perkhidmatan kantin sekolah di Zon Banting, Daerah Kuala Langat, Selangor.

Objektif Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mendapat maklumat tentang masalah yang dihadapi Ahli Jawatankuasa Kantin dalam memantau kantin sekolah di Zon Banting, Daerah Kuala Langat, Selangor. Antara objektif yang ditetapkan dalam kajian ini adalah:

- 1) Mengenalpasti masalah aspek kekurangan pengetahuan pengurusan penyediaan makanan di kalangan Ahli Jawatankuasa Kantin dalam memantau kantin sekolah di Zon Banting, Daerah Kuala Langat, Selangor.
- 2) Mengenalpasti masalah aspek hubungan bebanan tugas di kalangan Ahli Jawatankuasa Kantin dalam memantau kantin sekolah di Zon Banting, Daerah Kuala Langat, Selangor.
- 3) Mengenalpasti masalah aspek kekangan masa di kalangan Ahli Jawatankuasa Kantin dalam memantau kantin sekolah di Zon Banting, Daerah Kuala Langat, Selangor.

Kepentingan Kajian

Sekolah

Pihak sekolah boleh menjadikan maklumat yang diperolehi ini untuk membantu bagi membentuk Jawatankuasa Kantin yang lebih berkesan dalam memantau pengurusan kantin. Ia juga dapat merancang aktiviti yang sesuai untuk melengkapkan Jawatankuasa Kantin dengan keperluan semasa.

Jawatankuasa Kantin

Jawatankuasa Kantin dapat meningkatkan lagi cara pemantauan kantin agar lebih berkesan. Ini dapat meningkatkan lagi perkhidmatan kantin sekolah. Ia juga dapat memberikan idea-idea baru menjamin keselamatan makanan di kantin.

Pengusaha Kantin

Pengusaha kantin dapat memberikan kerjasama kepada pihak sekolah dan Jawatankuasa Kantin dalam menguruskan kantin berdasarkan masalah yang timbul. Kerjasama dalam pemantauan juga dapat menjamin keselamatan makanan yang disediakan.

Metodologi

Populasi Dan Sampel

Populasi merupakan satu set lengkap semua kumpulan yang memenuhi spesifikasinya (Azizi Yahya *et al*, 2007). Ia adalah keseluruhan kumpulan manusia, objek atau peristiwa yang mempunyai sedikit persamaan secara umumnya dan ia mestilah didefinisikan secara spesifik. Dalam konteks kajian ini, populasi yang ditetapkan dengan spesifiknya adalah di kalangan Ahli Jawatankuasa Kantin Sekolah di Zon Banting, Daerah Kuala Langat, Selangor.

Sampel adalah penglibatan beberapa ahli dalam populasi yang digunakan sebagai sumber mendapatkan data (Mohamed Najib, 1999). Sampel digunakan sebagai mewakili sesebuah populasi kerana kesukaran mendapatkan maklumat dari setiap individu dalam populasi yang besar. Kajian ini telah menggunakan persampelan rawak kelompok. Penggunaan cara ini dapat menambahkan peluang kepada penyelidik mendapatkan data yang mewakili populasi itu dan ia akan menambahkan lagi ketepatan keputusan (Azizi Yahya *et al*, 2007). Penentuan saiz sampel adalah berdasarkan Krejcie R.V dan Morgan D.W (1970). Sampel yang telah diambil adalah sebanyak 70 responden secara rawak dengan menetapkan kategori sekolah sebagai ciri utama. Oleh itu bilangan responden bagi sekolah menengah kebangsaan adalah seramai 14 orang, sekolah kebangsaan adalah seramai 38 orang, sekolah jenis kebangsaan cina adalah seramai 10 orang dan sekolah jenis kebangsaan tamil adalah seramai 8 orang.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang telah digunakan adalah dalam bentuk borang soal selidik. Menurut Mohamed Najib (1999), soal selidik merupakan satu cara untuk mengukur nilai afektif seperti persepsi, sikap, perasaan dan pandangan. Kaedah ini paling sesuai untuk mendapatkan maklumat kerana segala arahan dan soalan yang diberikan dalam soal selidik adalah piawai dan serupa kepada semua responden yang dikaji (Ian Brace, 2004). Maklumbalas juga boleh diperolehi secara terus dari responden dengan mudah. Soal selidik ini mempunyai tiga bahagian iaitu bahagian A, bahagian B dan bahagian C.

Bahagian A

Bahagian ini terdiri dari 3 soalan berkaitan maklumat dan latar belakang diri responden iaitu jantina, status perkahwinan, dan taraf pendidikan.

Bahagian B

Bahagian ini mengandungi 13 item yang terdiri dari komponen masalah dalam pemantauan bagi aspek kekurangan pengetahuan.

Bagi aspek kekurangan pengetahuan soalan berbentuk ujian dengan memberikan pilihan betul, salah dan tidak tahu digunakan untuk mengesan pengetahuan yang ada. Markah ujian digunakan bagi untuk menentukan nilai pengetahuan.

Bahagian C

Bahagian ini mengandungi 24 item yang terdiri dari komponen masalah dalam pemantauan bagi aspek hubungan bebanan tugas dan aspek kekangan masa.

Kajian Rintis

Bagi memastikan ketepatan soal selidik dari segi bahasa, pemahaman isi kandungan, kejelasan dan kebolehpercayaan maka satu kajian rintis telah dilakukan. Kajian rintis telah dilakukan sebelum kajian sebenar dijalankan bagi mengatasi masalah tersebut. Seramai 10 orang responden telah menjawab soal selidik untuk kajian rintis ini yang terdiri dari kalangan Ahli Jawatankuasa Kantin sekolah yang memantau kantin di Zon Banting yang bukan tergolong dari sampel yang diambil.

Perbincangan

Persoalan Kajian 1 :

Adakah aspek kekurangan pengetahuan pengurusan penyediaan makanan merupakan masalah di kalangan Ahli Jawatankuasa Kantin dalam memantau kantin sekolah di Zon Banting, Daerah Kuala Langat, Selangor ?

Kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa di kalangan Ahli Jawatankuasa Kantin Sekolah di Zon Banting, Daerah Kuala Langat, Selangor mendapati masalah kekurangan pengetahuan pengurusan penyediaan makanan kurang dihadapi, ia hanya wujud pada tahap rendah. Ini bermakna mereka yang terlibat dalam pemantauan kantin di sini adalah berpengetahuan dalam bidang ini. Berdasarkan kajian, majoriti responden tahu bahawa setiap pengendali makanan di kantin perlu mendapatkan suntikan pelalian typhoid. Pengetahuan ini amat penting supaya pemantauan kantin lebih berkesan kerana melibatkan pengendalian penyediaan makanan. Golongan yang terlibat dalam perkhidmatan makanan mesti mempunyai pengetahuan asas dalam keselamatan makanan dan pengamalan sanitasi (Lora dan Douglas, 2005). Langkah ini penting terutamanya dalam perkhidmatan makanan yang ramai pelanggan tetapnya seperti di kantin sekolah. Ahli Jawatankuasa Kantin yang mempunyai pengetahuan sanitasi makanan ini dapat mengelakan wabak keracunan makanan di kalangan pelajar melalui pemantauannya.

Bidang pengetahuan sanitasi makanan memang dimiliki oleh Ahli Jawatankuasa Kantin. Dapatan kajian menunjukkan sebahagian besar responden mengetahui bahawa bahan mentah perlu disimpan melebihi 20 cm dari lantai, penggunaan pisau bagi bahan mentah dan makanan siap perlu diasingkan serta penyimpanan makanan bermasak pada suhu bilik melebihi 4 jam boleh menyebabkan mikro organisma membiak. Langkah ini dapat memastikan makanan yang disediakan di kantin dalam keadaan selamat. Dalam tugas memantau kantin, aspek pengetahuan sanitasi ini perlu ada kerana ia melibatkan aktiviti perkhidmatan makanan. Ini selaras dengan pendapat Norman dan Robert (2006), aspek sanitasi makanan ketika pemprosesan makanan dan penyediaan makanan perlu ditekankan dalam industry perkhidmatan makanan. Pengetahuan yang ada dalam bidang ini dapat membantu Ahli Jawatankuasa Kantin menjalankan pemantauan dengan lebih mudah.

Pengetahuan amat penting dalam pemantauan kerana ia dapat menentukan sesuatu pemantauan itu mencapai matlamatnya. Menurut Abdullah Sani Yahya (2006), pemantauan akan terjejas jika kurangnya dedikasi, pengetahuan dan kewibawaan. Dalam konteks pemantauan kantin di sekolah, Ahli Jawatankuasa Kantin yang ditugaskan untuk memantau perlulah mempunyai pengetahuan dalam pengendalian makanan serta pengurusan kawasan kantin agar keracunan makanan dapat dielakkan. Ini dapat dilihat, apabila sebahagian besar responden mengetahui bahawa kawasan kantin merupakan tempat yang perlu bebas dari haiwan peliharaan.

Persoalan Kajian 2 :

Adakah aspek hubungan bebanan tugas merupakan masalah di kalangan Ahli Jawatankuasa Kantin dalam memantau kantin sekolah di Zon Banting, Daerah Kuala Langat, Selangor?

Hasil dapatan kajian telah memberikan keputusan bahawa masalah dari aspek hubungan beban tugas di kalangan Ahli Jawatankuasa Kantin dalam memantau kantin di Zon Banting, Daerah Kuala Langat, Selangor adalah pada tahap rendah. Dapatan ini menunjukkan hubungan bebanan tugas bukan memberi masalah utama kepada tugas pemantauan kantin sekolah yang dilakukan oleh Ahli Jawatankuasa Kantin.

Tugas memantau kantin merupakan salah satu tugas tambahan dan satu bebanan kepada guru. Mengikut Shaari *et al.* (2006), beban tugas guru semakin meningkat. Ia mencakupi dua bidang tugas utama iaitu

tugas akademik secara rutin dan bermusim serta tugas bukan akademik secara rutin dan bermusim. Guru-guru telah menghabiskan masa 62.19% bagi tugas akademik dan 37.81% bagi tugas bukan akademik. Walaupun tugas memantau kantin merupakan tugas tambahan dalam bidang tugas bukan akademik tetapi Ahli Jawatankuasa Kantin tidak menganggap ia suatu masalah utama. Ini dapat dilihat apabila hanya sebahagian kecil responden sahaja keberatan untuk menggantikan rakan setugas yang tidak hadir bagi menjalankan tugas pemantauan kantin. Keadaan ini adalah disebabkan oleh pemantauan kantin merupakan tugas penting yang melibatkan keselamatan pelajar. Menurut Mohd. Ismail Othman (2003), adalah menjadi tanggungjawab guru berada dalam kelas pada setiap masa ataupun menyelia pelajar-pelajar masa persekolahan mereka bagi mengelakkan perkara-perkara tidak diingini berlaku. Oleh itu, memastikan keselamatan makanan di kantin untuk keperluan pelajar merupakan tanggungjawab tidak boleh dipandang ringan.

Memandangkan masalah keracunan makanan semakin kerap berlaku sejak akhir-akhir ini, tugas pemantauan kantin semakin penting. Masalah-masalah begini menjadikan tanggungjawab guru semakin besar lagi mengikut keperluan semasa. Dalam era globalisasi, tugas guru menjadi bertambah lebih berat lagi apabila tugas guru bukan berperanan mengajar sahaja tetapi mencakupi bidang mendidik, mengasuh, merancang dan membentuk generasi yang diingini serta seimbang dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani (Yahya Don, 2005). Jika dilihat kepelbagai tanggungjawab guru pada masa ini, terdapat tugas-tugas lain jauh lebih membebankan berbanding tugas memantau kantin yang dilakukan oleh Ahli Jawatankuasa Kantin Sekolah. Ini dapat diperhatikan melalui dapatan kajian yang menunjukkan bahawa majoriti responden selesa apabila diberikan tugas pemantauan kantin.

Persoalan Kajian 3 :

Adakah aspek kekangan masa merupakan masalah di kalangan Ahli Jawatankuasa Kantin dalam memantau kantin sekolah di Zon Banting, Daerah Kuala Langat, Selangor?

Kajian yang dijalankan telah menunjukkan aspek kekangan masa merupakan masalah di kalangan Ahli Jawatankuasa Kantin dalam memantau kantin sekolah di Zon Banting, Daerah Kuala Langat, Selangor berada pada tahap rendah. Dapatan ini menjelaskan bahawa majoriti Ahli Jawatankuasa Kantin dapat menjalankan tugas pemantauan tanpa dibelenggu dengan masalah kesuntukan masa. Berdasarkan kajian, majoriti responden dapat menjalankan pemantauan tidak dalam keadaan tergesa-gesa. Mengikut Abdul Sani (2006), kekangan masa dan tugas merupakan halangan dalam pemantauan. Oleh itu, pemantauan yang dilakukan oleh Ahli Jawatankuasa Kantin di kantin sekolah dalam kawasan kajian ini berjalan lancar kerana tidak dipengaruhi oleh masalah kekangan masa.

Selain itu, pemantauan kantin yang dijalankan di sini dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya. Dapatan kajian telah menunjukkan majoriti responden awal ke kantin untuk tugas pemantauan. Ini menjadikan pemantauan dapat dilakukan dari peringkat awal lagi tanpa menghadapi masalah kekangan masa untuk membuat pemeriksaan keseluruhan. Walaupun pemantauan adalah penting tetapi sukar dilaksanakan kerana kekangan masa oleh pemantau (Sufean Hussin, 2005). Pemantauan yang lebih baik dapat dilaksanakan di sini kerana aspek kekangan masa bukan menjadi masalah kepada Ahli Jawatankuasa Kantin dalam menjalankan tugasnya.

Hasil kajian juga menunjukkan majoriti responden dapat menyelesaikan tugas memantau kantin mengikut masa yang ditetapkan. Ahli Jawatankuasa Kantin dapat melakukan pemantauan mengikut prosuder yang ditetapkan iaitu pemantauan memerlukan penilaian dilakukan dalam masa tidak lebih 20 minit oleh pengusaha kantin. Manakala pengesahan oleh Ahli Jawatankuasa Kantin perlu dilakukan 30 minit sebelum makanan dimakan oleh pelajar (Buku Laporan Kendiri Kantin Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia). Tempoh masa yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dalam pemantauan

kantin adalah mencukupi bagi Ahli Jawatankuasa Kantin menjalankan tugas pemantauannya. Jelaslah di sini bahawa aspek kekangan masa bukan merupakan masalah dalam pemantauan kantin yang dijalankan.

Rumusan

Masalah dari aspek kekurangan pengetahuan, aspek hubungan bebanan tugas dan aspek kekangan masa kurang dihadapi oleh Ahli Jawatankuasa Kantin di Zon Banting, Daerah Kuala Langat, Selangor dalam memantau kantin sekolah. Mereka dapat melakukan pemantauan dengan baik kerana mempunyai pengetahuan dalam pengurusan penyediaan makanan serta mengetahui perkara-perkara yang perlu dipantau. Selain itu, pemantauan dapat dijalankan sepenuhnya tanpa menghadapi bebanan tugas ketika tugas pemantauan dilaksanakan. Pemantauan juga dilakukan dengan teliti kerana masa memantau adalah mencukupi dan dapat diselesaikan mengikut masa yang diperuntukkan. Keadaan ini boleh menjadikan pemantauan lebih berkesan. Keselamatan makanan yang disediakan di kantin lebih terjamin melalui pemantauan yang berkesan. Ini dapat menghalang kes keracunan makanan di kantin sekolah.

Rujukan

- Abd. Rahman Dan Mohammad Rodhi (2003). *Kajian Tahap Stress Di Kalangan Guru Sekolah Menengah: Perbandingan Antara Sekolah Menengah Luar Bandar Dan Sekolah Menengah Dalam Bandar Di Kedah*. Universiti Utara Malaysia: Tesis.
- Abdul Ghani, Abd. Rahman Abd. Aziz, Muhammad Zohir Ahmad (2008). *Gaya Kepimpinan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing. 194-195.
- Abdul Rahman Abdul Majid (2007). *Guru Sebagai Penyelidik*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Abdul Ruin Sapidin (19 Ogos 2005). *Stress Guru Membimbangkan*. Berita Harian.
- Abdullah Sani Yahya (2005). *Mengurus Hal Ehwal Pelajar*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing. 34-40, 239-242.
- Abdullah Sani Yahya (2006). *Mengurus Sekolah*. Kuala Lumpur: PTS Professional. 275-276.
- Anthony T.Tu et al (1983). *Handbook Of Natural Toxide*. Colorado: CRC Press. 6-11.
- Ayob Bin Jantan (2003). *Pengetua Sekolah Yang Efektif*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing. 81-83.
- Azizi Yahaya et al. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing.
- Chmelynski C.C (2005). *Opportunities In Food Service Careers*. Washington D.C:McGraw-Hill Professional. 2-12.
- Hajah Noresah Baharom ed (2002).*Kamus Dewan. Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ian Brace (2004). *Questionnaire Design*. Kogan Page Publishing.
- Jill Tricket (2001). *The Prevention Of Food Poisoning*. 4th Edition Nelson Thornes Published. 1-7.

Kementerian Pelajaran Malaysia (2 Ogos 1995). *Keracunan Makanan Di Sekolah-Sekolah* : Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/1995

Kementerian Pelajaran Malaysia (20 Jun 2008). *Perlaksanaan Laporan Kendiri Kantin Sekolah*: Surat Siaran Bahagian Pengurusan Sekolah Harian berkuatkuasa 1 Julai 2008.

Kementerian Pelajaran Malaysia (2004).*Panduan Pengurusan Kantin Sekolah*.Kuala Lumpur: Bahagian Sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia.

Kementerian Pelajaran Malaysia (2008).*Buku Laporan Kendiri Kantin Sekolah : Jawatan Kuasa Induk 3K (Kebersihan, Kesihatan,Keselamatan)*.Kuala Lumpur: Bahagian Sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia.

Kementerian Pelajaran Malaysia (3 Februari 1983). *Kantin Sekolah*: Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/1983

Kementerian Pelajaran Malaysia (31 Mac 1998). *Menjaga Kesihatan Pelajar Di Sekolah*: Surat Perkeliling Ikhtisas Bil. 6/1998